

ISLĀMIYYĀT 37(2) 2015: 107 - 112
 (<http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2015-3702-02>)

Tema-tema Feminisme dalam Novel-novel Nawal El Saadawi

Feminist Themes in Nawal El Saadawi's Novels

MARYAM HABIBAH KAMIS
 INDRIATY ISMAIL

ABSTRAK

Nawal El Saadawi merupakan seorang tokoh wanita Mesir yang memperjuangkan dan menyuarakan hak-hak wanita Arab dan penderitaan mereka menerusi karya-karya sastera novel. Antara novel terkenal beliau ialah al-Wajh al-Ari li al-Mar'ah al-'Arabiyyah (1977), Hubb fi Zaman al-Naft (1993) dan al-Zina (2009). Artikel ini membincangkan isu-isu feminisme yang diperjuangkan oleh Nawal El Saadawi dan mengamati tema-tema feminisme dalam tiga buah karya beliau. Metodologi yang digunakan untuk menghasilkan penulisan ini ialah melalui kaedah kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis kandungan terhadap novel al-Wajh al-Ari li al-Mar'ah al-'Arabiyyah (1977), Hubb fi Zaman al-Naft (1993) dan al-Zina (2009) dan kritik sastera. Hasil kajian mendapati bahawa Nawal El Saadawi sebagai seorang novelis dan feminis berjaya mengangkat isu-isu feminisme dalam novel-novelnya dari aspek pendidikan, pekerjaan domestik dan institusi kekeluargaan yang melibatkan perkahwinan dan poligami. Novel-novel penulisan beliau menjadi medium utama bagi beliau untuk meluahkan kritikan dan komentar terhadap praktis budaya Arab sejak zaman mudanya hingga kini.

Kata kunci: Nawal El Saadawi; feminisme; pendidikan; pekerjaan domestik; institusi kekeluargaan

ABSTRACT

Nawal El Saadawi is a prominent feminist in the Egypt who voice out the Arab women's suffering through literary writings. Among her literary outputs that become the focus of this article are her famous novels al-Wajh al-Ari li al-Mar'ah al-'Arabiyyah (1977), Hubb fi Zaman al-Naft (1993) and al-Zina (2009). This article discusses feminisme issues that have been propagated by Nawal El Saadawi and to identify feminist theme in her three literary writings. The main methodology employed in this study is qualitative method using the content analysis approach and feminist literary critic methods. Results show that Nawal El Saadawi as a novelist and feminist, successfully raise issues of feminism in the novel through education, domestic violence and family institutions involving marriage and polygamy. Her novel's writings became the main medium for expressing his criticism and commentary on the practice of Arab culture since the days of his youth until now.

Keywords: Nawal El Saadawi; feminism; education; domestic violence; family institutions

PENDAHULUAN

Secara umumnya, feminisme merupakan suatu gerakan emansipasi wanita yang menyuarakan tentang hak kesetaraan antara lelaki dan wanita dalam pelbagai aspek, termasuk pendidikan, ekonomi, politik dan sosial. Gerakan emansipasi wanita atau lebih dikenali dengan gerakan feminisme ini sememangnya menjadi topik perbincangan ilmiah dan isu hangat yang diperbahaskan oleh tokoh-tokoh dan para cendekiawan yang terkehadapan, khususnya kaum wanita. Dari segi sejarahnya, gerakan feminisme bermula sejak pertengahan tahun 1960-an di Amerika Syarikat dalam pelbagai pendekatan baru dan merebak ke Amerika Latin sejak tahun 1970-an. Kesannya dapat dilihat sejak tahun 1990-an apabila masalah gender diperbincangkan sehingga ke peringkat antarabangsa, termasuk dalam disiplin ilmu

dan budaya (Batriah & Zarina 2006: 49). Seterusnya gerakan feminisme ini telah menular ke negara-negara Islam, termasuk Turki, Mesir, Maghribi, Lubnan dan Iran (Batriah & Zarina 2006: 64).

Gerakan ini menjadi semakin meluas apabila pemikiran feminisme disuburkan dalam karya-karya sastera dunia Islam. Antara penulis yang memperjuangkan pemikiran feminisme dalam karya-karya sasteranya ialah Nawal El Saadawi yang merupakan seorang tokoh feminis Mesir. Nawal El Saadawi merupakan seorang daripada tokoh besar dalam wacana feminisme Islam masa kini yang menyuarakan penderitaan wanita Arab menerusi karya-karya sastera, antaranya *al-Wajh al-Ari li al-Mar'ah al-'Arabiyyah* (1977), *Hubb fi Zaman al-Naft* (1993) dan *al-Zina* (2009) yang menjadi fokus dalam penulisan ini bagi menilai pemikiran feminisme yang beliau perjuangkan.

METODOLOGI

Metodologi yang digunakan untuk menghasilkan penulisan ini ialah melalui kaedah kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis kandungan dan kritik sastera feminis.

METODE ANALISIS KANDUNGAN

Analisis kandungan ialah satu bentuk analisis terhadap bahan-bahan media cetak seperti akhbar, majalah, jurnal, buku, kitab, laporan bertulis, minit mesyuarat dan sebagainya serta analisa terhadap bahan-bahan elektronik seperti filem, drama, rancangan radio, televisyen dan papan iklan. Metode analisis kandungan juga digunakan bagi mengkaji beberapa istilah, perkataan, konsep, tema, frasa, atau ayat yang terdapat dalam media berkenaan. Metode ini digunakan dalam menganalisis kandungan ketiga-tiga buah novel, *al-Wajh al-Ari li al-Mar'ah al-'Arabiyyah* (1977), *Hubb fi Zaman al-Naft* (1993) dan *al-Zina* (2009). Novel-novel ini dipilih mengikut dekad dengan menggunakan tema-tema feminisme sebagai landasan analisis.

KRITIK SASTERA FEMINIS

Kritik sastera feminis merupakan satu daripada disiplin ilmu kritik sastera yang lahir hasil daripada perkembangan ideologi feminisme di setiap penjuru dunia. Kritik sastera feminisme merupakan aliran baru dalam sosiologi sastera yang lahir bersama-sama kesedaran tentang peranan wanita dan kedudukan mereka setaraf dengan kedudukan lelaki. Sejarah kritik sastera feminisme bermula daripada keinginan tokoh-tokoh wanita untuk mengkaji karya penulis-penulis pada masa silam dan menunjukkan citra wanita dalam karya penulis lelaki yang menampilkan wanita sebagai makhluk yang lemah, sering dieksploitasi dan ditindas adalah disalah tafsir (Djajaneegara 2000: 27). Kajian tersebut kemudiannya menimbulkan pelbagai ragam kritikan. Kajian sastera feminis mempunyai beberapa fokus, iaitu menggali, mengkaji, menilai serta menganalisis karya penulis-penulis dari masa silam sehingga kini. Oleh itu, pengkaji menggunakan metode kritik sastera feminis untuk menganalisis dan menilai tiga buah novel karya Nawal El Saadawi, iaitu *al-Wajh al-Ari li al-Mar'ah al-'Arabiyyah* (1977), *Hubb fi Zaman al-Naft* (1993) dan *al-Zina* (2009).

BIODATA NAWAL EL SAADAWI

Nama sebenar beliau ialah Nawal al-Sayed Habash El Saadawi (El Saadawi 1999: 31), telah dilahirkan pada 27 Oktober 1931 di sebuah desa kecil Kafr Tahla, Mesir (El Saadawi 1999: 20). Beliau merupakan anak kedua daripada lapan orang adik-beradik (El Saadawi 1999: 25), yang terdiri daripada tiga orang lelaki dan lima orang perempuan (El Saadawi 1999: 3). Nawal El Saadawi (seterusnya El Saadawi) ialah seorang doktor, feminis, ahli sosiologi, aktivis, pemikir, penulis dan novelis yang terkemuka.

Perjalanan pendidikan El Saadawi bermula di rumah menerusi pendidikan secara tidak formal yang diterapkan oleh ibu bapanya. Pada peringkat awal, beliau diajar cara membaca dan menulis perkataan baru pada setiap hari oleh ibunya. Perkataan pertama yang dipelajarinya ialah namanya, 'Nawal' diikuti dengan nama ibunya, Zainab (El Saadawi 1999: 1). Apabila usianya melangkaui tujuh tahun, bapanya telah mendidik beliau dengan ilmu keagamaan, iaitu diajarkan cara bersembahyang dan diperdengarkan kisah-kisah Nabi (El Saadawi 1999: 89). Pada usia tersebut juga, El Saadawi mendapat pendidikan formal di Sekolah Perempuan Muharram Bey, Alexandria (El Saadawi 1999: 71).

Pada tahun 1943, selepas tamat pelajaran di peringkat sekolah rendah, beliau menyambung pelajaran ke Sekolah Menengah Nabaweya Moussa, Abasiah di Kaherah berjauhan dari rumahnya di Menouf (El Saadawi 1999: 192). Kemudian, El Saadawi dipindahkan ke Sekolah Menengah al-Tawgeheya selama dua tahun, iaitu pada tahun 1944 sehingga tahun 1945 (El Saadawi 1999: 195), dan di sekolah tersebut beliau mengambil aliran Sains (El Saadawi 1999: 290). Seluruh pendidikan yang diterima El Saadawi ialah daripada sekolah beraliran Arab. Beliau keluar dari sekolah berasrama perempuan Helwan dengan lulus dan cemerlang dalam peperiksaan.

Beliau melanjutkan pelajaran di Kolej Perubatan Universiti Kaherah pada tahun 1949 dalam bidang perubatan (El Saadawi 1999: 316) dan tamat pelajaran pada peringkat ijazah pada tahun 1954 dengan pengkhususan kepakaran dalam bidang psikiatri (El Saadawi 2002: 67). Beliau kemudiannya menyambung pelajaran ke peringkat Sarjana di Universiti Columbia, New York dalam bidang Kesihatan Awam dan berjaya menyelesaikan pengajiannya (El Saadawi 2007: iii).

Selepas tamat pelajaran ijazah pada tahun 1954, El Saadawi bekerja sebagai doktor perubatan di Hospital Kasr Al-Aini pada tahun 1955 (El Saadawi

1999: 296). Pada tahun 1958, beliau bekerja di Hospital yang terletak di daerah Abbaseya. Pada tahun 1963, beliau menjawat jawatan sebagai Pengarah Pendidikan Kesihatan di Jabatan Kesihatan Mesir, namun pada tahun 1972 beliau dipecat kerana karyanya berjudul *al-Mar'ah wa al-Jins* mengecam kekerasan dasar pemerintah terhadap wanita. Pada tahun 1973 sehingga tahun 1976, El Saadawi bertugas di Institut Tinggi Sains dan Kesusasteraan. Pada ketika ini, beliau mula menulis karya fiksiyen dan bukan fiksiyen. Karyanya yang dihasilkan ialah *Woman at Point Zero*, *God Dies by the Nile* dan *The Hidden Face of Eve* (El Saadawi 2007: iii).

Pada tahun 1973 juga, beliau bekerja sebagai pegawai penyelidik wanita dan neurosis di Fakulti Perubatan, Universiti Ain Shams. Beliau meninggalkan Mesir dan menjadi Profesor Pelawat di Jabatan Bahasa Asia dan Afrika, Universiti Duke dari tahun 1993 hingga tahun 1996. Beliau juga menjadi Profesor Pelawat di Universiti Washington di Seattle (1995), Universiti Illinois di Chicago (1998) (<http://nawalsaadawi.net> [16 Disember 2011]), Universiti Florida Atlantik (1999) dan di sini beliau mengajar subjek *Dissidence and Creativity* (Holland et al. 2000), Universiti Montclair State (2001-2002), Universiti Southern Maine (2003), Universiti Barcelona di Sepanyol (2004), Kolej Smiths (2004), Universiti Claremont di California (2005) dan Kolej Spelman (Cosby Chair) Atlanta, Amerika Syarikat (2007-2009).

TEMA-TEMA FEMINISME DALAM KARYA NAWAL EL SAADAWI

Isu-isu feminisme yang diutarakan oleh Nawal El Saadawi merupakan rangka untuk memartabatkan kaum wanita mencakupi aspek pendidikan, pekerjaan domestik dan institusi kekeluargaan yang melibatkan perkahwinan dan poligami.

PENDIDIKAN

Isu mengenai pendidikan wanita mendapat perhatian meluas oleh gerakan pembebasan wanita pada akhir abad ke-19M dan awal abad ke-20M. Seorang ahli sejarawan dari Timur Tengah, T. Philip menekankan bahawa isu pembebasan wanita melalui jalan pendidikan dalam masyarakat Mesir pada ketika itu menjadi satu daripada agenda penting yang menyentuh secara langsung taraf kehidupan dan kedudukan semua individu. Tambahan pula, kedapatan suara beberapa tokoh besar nasionalis dan reformis agama

secara lantang menekankan kepentingan aspek pendidikan menjadikan ia lebih dititikberatkan (Dug Park 1988:11-12).

El Saadawi turut mengangkat isu pendidikan dalam masyarakat yang mendiskriminasi wanita dalam pendidikan, iaitu pelajar perempuan hanya diajar membaca dan menulis sahaja, selain mereka diajar memintal, menenun dan menjahit kain. Kehidupan mereka dilindungi di bawah akta undang-undang dan peraturan yang kebiasaannya diasaskan kepada sistem patriarki. Berdasarkan fakta di atas, El Saadawi menuntut supaya hak dan peluang yang sama dari segi pendidikan diberikan kepada wanita. Ini diangkat beliau dalam karyanya, *al-Wajh al-Arili al-Mar'ah al-'Arabiyyah* (t.th.: 213).

PEKERJAAN DOMESTIK

Pekerjaan domestik merupakan isu menarik yang diketengahkan oleh El Saadawi dalam karyanya. El Saadawi menuntut kesamaan hak dan kesetaraan gender antara lelaki dan wanita dalam aspek pekerjaan. Menurut tradis masyarakat Arab, pola pembahagian kerja meletakkan tanggungjawab mutlak kepada suami untuk mencari nafkah, sedangkan wanita hanya terlibat dalam sektor domestik dan urusan rumah tangga. Ini dinyatakan oleh beliau dalam *Hubb fi Zaman al-Naft* (1993: 58)

Pembahagian pola pekerjaan ini sudah mengakar dan sukar untuk diubah kerana ia dianggap sebagai suatu fenomena semula jadi dalam kehidupan. Melalui pembahagian kerja seperti ini membuatkan keterlibatan wanita dalam sektor ekonomi amat terbatas. Sehubungan dengan itu, apabila seseorang wanita berkahwin, mereka secara pasti terpaksa terlibat dalam aktiviti domestik (di dalam rumah) dan tanpa diberikan apa-apa bayaran. Hal ini memberi bebanan kepada isteri tanpa dibantu oleh suami. Sebagaimana catatan dalam bukunya, *al-Wajh al-Arili al-Mar'ah al-'Arabiyyah* (t.th.: 250).

El Saadawi menganggap seorang wanita dieksplotasi ketika menjalankan tugas-tugasnya di rumah tanpa sebarang bayaran. Isteri menjalankan tanggungjawab memasak, mencuci, menyusu, mengasuh dan mendidik serta berkewajipan melayani keperluan seks suaminya. Semua itu dilakukan tanpa bayaran kecuali hanya diberi makanan dan pakaian, atau bayaran lebih paling rendah daripada seorang buruh (El Saadawi t.th.: 127).

Seorang buruh menerima imbuhan atas pekerjaannya sedangkan seorang isteri bekerja sebagai pembantu rumah tangga serta mengasuh anak dan ibu bapa tanpa sebarang bayaran (El Saadawi

t.th.:130). Fakta wanita bekerja di dalam rumah diperincikan oleh El Saadawi kepada tiga dimensi, iaitu menjauhkannya daripada kemampuan produktif sebagai manusia serta memandang rendah terhadap pekerjaannya sebagai pekerjaan yang produktif; menjauhkannya daripada sebarang bayaran dan imbalan; serta membebankan semua pekerjaan rumah atas dirinya hanya kerana dilahirkan sebagai seorang wanita (El Saadawi t.th.: 262).

Fenomena masyarakat Mesir masih memandang pendapatan yang dimiliki oleh seorang isteri yang bekerja adalah hak milik suaminya. Cabaran yang lebih besar dihadapi oleh isteri yang bekerja ialah dia tetap berkewajipan melakukan kerja domestik selepas kembali ke rumah sedangkan suaminya tidak dibebani apa-apa kerja. Dengan demikian, dikategorikan wanita bekerja di dua tempat, iaitu di dalam dan luar rumah. Keadaan ini lebih meruncing apabila seorang buruh wanita akan dipecat oleh majikannya atas alasan kehamilan dan sebaliknya di rumah akan diancam dengan penceraian apabila dia tidak dapat memenuhi kewajipannya dengan baik, iaitu melayani keperluan suami dan anak-anaknya (El Saadawi t.th.: 223).

Ini bukanlah suatu fenomena baru ketika wanita memainkan peranan ganda dalam kehidupannya yang membawa makna selain daripada tugas biasa di luar rumah (sektor pekerjaan), seseorang wanita yang berkahwin terpaksa mengandung, melahirkan dan mendidik anak, di samping terpaksa melakukan tugas-tugas sebagai suri rumah (Abdullah et al. 2010: 143). Namun, terdapat juga segelintir suami yang tidak memberi keizinan kepada isterinya untuk bekerja dengan tujuan mendominasi isterinya. Ini kerana seorang wanita yang bekerja dipandang sebagai seorang yang mandiri dan mampu menolak sebarang penindasan yang dilakukan oleh suaminya terhadap dirinya (El Saadawi t.th.: 267).

INSTITUSI KEKELUARGAAN

Institusi kekeluargaan ialah unit asas serta tulang belakang dalam mewujudkan kesempurnaan bagi melengkapkan sistem sosial dan sumber tenaga manusia negara. Institusi kekeluargaan menurut *Kamus Dewan* (1998: 620) ialah sebuah institusi yang berkaitan dengan keluarga atau hubungan sebagai anggota di dalam sesuatu keluarga, ianya berasaskan perhubungan keturunan atau disebabkan perkahwinan. Sesungguhnya yang dikatakan seisi keluarga adalah yang terdiri daripada suami isteri berserta anak-anak.

Institusi kekeluargaan berhadapan dengan pengaruh dan cabaran baru gerakan feminisme yang mempertikaikan mengenai kelemahan dan kekurangan institusi ini. Ini disebabkan gerakan feminisme mempertikaikan hak persamaan antara lelaki dan perempuan yang dikatakan tidak sama dalam institusi ini. Golongan ini juga berpendapat bahawa institusi kekeluargaan yang ideal dibina atas dasar kesetaraan bagi lelaki dan wanita. Hal ini turut dibincangkan oleh feminis dan novelis El Saadawi yang menyentuh beberapa aspek dalam institusi kekeluargaan, iaitu perkahwinan dan poligami.

Perkahwinan Golongan Feminis Arab mempunyai sejarah yang panjang dalam menghadapi kehidupan perkahwinan yang derita dan tidak bahagia. Dewasa ini, undang-undang perkahwinan dalam masyarakat Arab menjadi satu perkara yang diabaikan dan hanya dititik berat oleh segolongan masyarakat dan organisasi sosial. Pemimpin negara juga mengetepikan persoalan undang-undang perkahwinan yang menindas di negara-negara Arab (El Saadawi 2003: 220). Menurut El Saadawi, sejarah undang-undang perkahwinan di negara Arab umumnya adalah berdasarkan syariat Islam yang bersumber daripada al-Qur'an dan Hadis serta pentafsiran ulama terhadap kedua-dua sumber utama tersebut (El Saadawi 2003: 222). Malangnya, pentafsiran yang dilakukan adalah lebih menjurus kepada penindasan wanita dan kemudian digubal menjadi sebuah undang-undang perkahwinan di negara Arab (El Saadawi 2003: 223).

El Saadawi menegaskan undang-undang perkahwinan dalam masyarakat Arab yang difokuskan pada negara Mesir ialah satu daripada peninggalan undang-undang kolonial yang menganggap isteri ialah sebidang tanah yang dimiliki sepenuhnya oleh golongan lelaki serta boleh dipukul, dihina, dieksploitasi dan ditindas melalui institusi perkahwinan (El Saadawi 2003: 243). Oleh itu, El Saadawi mengutuk sekeras-kerasnya institusi perkahwinan melalui karya-karya beliau. Beliau menganggap dan menyamakan institusi perkahwinan sebagai satu daripada bentuk perhambaan bagi wanita (El Saadawi t.th.: 120). Ini sebagaimana penjelasan oleh beliau dalam karyanya, *Hubb fi Zaman al-Naft* (1993: 64).

Dalam institusi perkahwinan juga, El Saadawi menekankan isu mengenai keizinan anak gadis dalam urusan perkahwinan. Ini kerana terdapat anak gadis yang dipaksa untuk berkahwin, sedangkan masih berada dalam proses pengajian sehinggakan terpaksa berhenti meneruskan pengajian kerana berkahwin. Terdapat juga beberapa keluarga yang hanya ingin

mengahwinkan anak gadis mereka atas tujuan mendapatkan mahar. Ini dikritik oleh El Saadawi kerana ia seperti menjual anak gadis mereka dan isu ini diketengahkan oleh El Saadawi dalam karyanya, *al-Wajh al-Ari li al-Mar'ah al-'Arabiyyah* (t.th.: 371).

Poligami Poligami merupakan isu sensitif yang berlegar di sekitar masyarakat Islam, khususnya bagi pendukung feminis. Amalan poligami telah menerima bantahan daripada beberapa sarjana Islam moden yang melihat poligami sebagai amalan yang cenderung untuk meminggirkan wanita, menjatuhkan maruah wanita dan tidak adil kepada wanita. Mereka berhujah bahawa Islam pada dasarnya ialah monogami, manakala poligami dibenarkan tetapi dengan beberapa peraturan yang ketat. Golongan feminis juga percaya bahawa Islam pada dasarnya menyokong monogami dan kebanyakan mereka menolak amalan poligami melalui Rangkaian Islam Liberal yang ditubuhkan pada tahun 2001 (Arif Rohman 2013: 68).

Poligami juga menjadi isu perbincangan Nawal El Saadawi dalam karya-karyanya. El Saadawi menyentuh tentang sudut pandang Islam mengenai masalah poligami. Isu poligami ini menghasilkan perbincangan antara ulama dengan pendapat yang beragama. Ada yang berpendapat bahawa poligami itu tidak dibolehkan berdasarkan surah al-Nisa', ayat 3, yang mafhumnya:

Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan daripada perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu), (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.

Berdasarkan ayat al-Qur'an di atas, El Saadawi berhujah bahawa terdapat sebahagian ulama yang berpendapat ayat tersebut melarang poligami kerana mensyaratkan sikap adil terhadap para isteri sedangkan syarat tersebut sangat sukar untuk dilaksanakan. El Saadawi secara terbuka menyifatkan bahawa Nabi Muhammad SAW sendiri pada hakikatnya tidak dapat berlaku adil terhadap isteri-isterinya kerana Baginda sering melebihikan 'A'ishah RA (El Saadawi t.th.: 284-285). Baginda juga tidak dapat memberikan contoh teladan yang baik kepada umatnya dalam hal kesetiaan kepada isteri sebagaimana kenyataan El Saadawi dalam *al-Zina* (2009: 171).

Di samping itu, El Saadawi juga mengkritik undang-undang perkahwinan di Mesir yang masih membolehkan lelaki untuk menceraikan isterinya pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang sebab yang munasabah serta mengizinkan berpoligami (El Saadawi t.th.: 228). Undang-undang tersebut disifatkan sebagai bias gender dan membuka ruang yang luas kepada diskriminasi dan ketidakadilan dalam institusi perkahwinan. El Saadawi dalam karyanya, *al-Wajh al-Ari li al-Mar'ah al-'Arabiyyah* berpendapat hukum fiqh yang membenarkan lelaki Islam berpoligami adalah lanjutan daripada dominasi tafsiran ulama lelaki. Ini sebagaimana penerangan beliau dalam karya tersebut (El Saadawi t.th.: 282-283).

Oleh itu, beliau membuat kesimpulan bahawa keadilan dalam poligami tidak akan dapat dilaksanakan. Lanjutan daripada penemuan di atas menunjukkan El Saadawi membuat tafsiran mengenai poligami yang digambarkan dengan kezaliman, penindasan terhadap wanita dan punca keruntuhan keluarga. Ia juga dianggap hanya menguntungkan kaum lelaki dan menindas kaum wanita.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, isu-isu feminisme yang diterapkan oleh El Saadawi dalam karyanya berorientasikan idea-idea yang digunakan dalam usaha membaiki status dan kedudukan wanita dalam masyarakat semenjak dahulu. El Saadawi telah mengangkat isu pendidikan dalam karyanya kerana beliau mendapati bahawa pendidikan kepada wanita tidak dititikberatkan dan impak kepada kehidupan wanita di Mesir pada ketika itu dilihat tidak berdaya saing. El Saadawi juga memperjuangkan isu mengenai pekerjaan domestik dalam novelnya kerana beliau mendapati fenomena masyarakat Mesir masih memandang rendah wanita yang melakukan pekerjaan domestik. Lebih-lebih lagi cabaran yang dihadapi oleh para isteri yang bekerjaya ialah dia tetap berkewajipan melakukan pekerjaan tersebut selepas kembali ke rumah sedangkan suaminya tidak dibebani sebarang tugas dan ini dilihat oleh El Saadawi sebagai suatu diskriminasi gender. El Saadawi juga mempertikaikan tentang kelemahan dan kekurangan institusi kekeluargaan dari aspek perkahwinan dan poligami yang dikatakan tidak ideal kerana dibina atas dasar diskriminasi antara lelaki dan wanita. Berdasarkan semua isu yang dibangkitkan tersebut, pengkaji mendapati El Saadawi berjaya menonjolkan kritikan feminisme dalam ketiga-tiga novelnya, sekali

gus memberi pengaruh dan dampak yang besar dalam dasar perjuangan feminisme lain dan secara tidak langsung mengangkat beliau sebaris dengan tokoh-tokoh feminis terkemuka seperti Leila Ahmad, Huda Shaarawi, Fatimah Mernissi dan Ali Asghar Engineer dan penulis yang seangkatan dengan beliau.

RUJUKAN

- Arif Rohman. 2013. Reinterpret polygamy in Islam: a case study in Indonesia. *International Journal of Humanities and Social Science Invention* 2: 68-74.
- Baterah Alias & Che Zarina Sa'ari. 2006. *Islam dan Emansipasi Wanita*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Djajanegara, Soenarjati. 2000. *Kritik Sastra Feminis*. Jakarta: t.pt.
- Dug Park, Heong. 1988. Nawal al-Saadawi and modern Egyptian feminist writing. Disertasi Ph.D, University of Michigan.
- El Saadawi, Nawal. 1987. *Suqut al-Imam*. Bayrut: Dar al-Mustaqbal.
- El Saadawi, Nawal. 1993. *Hubb fi Zaman al-Naft*. al-Qaherah: Maktabat Madbuli.
- El Saadawi, Nawal. 1999. *A Daughter of Isis*. Terj. Hetata, Sherif. London: Zed Book Ltd.
- El Saadawi, Nawal. 2002. *Walking through Fire*. Terj. Hetata, Sherif. London: Zed Book Ltd.
- El Saadawi, Nawal. 2003. *Wajah Telanjang Wanita*. Terj. Azhariah. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- El Saadawi, Nawal. 2007. *The Hidden Face of Eve*. Terj. Hetata, Sherif. London: Zed Book Ltd.
- El Saadawi, Nawal. 2009. *al-Zina*. Bayrut: Dar al-Saqi.
- El Saadawi, Nawal. t.th. *al-Wajh al-Ari li al-Mar'ah al-Arabiyyah*. Iskandariyyah: t.pt.
- El Saadawi, Nawal. 2011. <http://nawalsaadawi.net>, diakses 16 Disember 2011.
- Kamus Dewan*. 1998. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Maryam Habibah Kamis
Jabatan Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

Indriaty Ismail
Jabatan Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
indriaty@ukm.edu.my